



PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut :

5.0 PEGAWAI KEWANGAN - GRED W41

5.1 Jadual Gaji

W41	P1T1	RM 1702.81	-	P1T27	RM 4688.95
	P2T1	RM 1798.82	-	P2T27	RM 4968.61
	P3T1	RM 1899.01	-	P3T27	RM 5255.39

Elaun

Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 250.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00

Taraf Jawatan : Tetap

Kekosongan : 1

5.2 Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T3); atau

(iii) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

(iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T8); atau

(v) ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T9); atau

- (vi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1T10); dan
- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5.3 Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (Bagi kakitangan UKM dan PPUKM berjawatan tetap sahaja)

- (i) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; atau
 - (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.